

# ZAKAT FITRAH PELENGKAP PUASA RAMADAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

(Surah Al-Baqarah, ayat: 43)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Bersyukur dan berbanggalah menjadi hamba Allah SWT dengan cara hidup taat dan beribadat kepada-Nya. Dengan hidup hanya untuk beribadat kepada Allah SWT akan memungkinkan kita menjadi orang yang bertaqwa sebagaimana firman-Nya:

يَأَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: "Wahai sekalian manusia! Beribadatliah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang yang) bertaqwa." (S. Al-Baqarah: 21).

## SIDANG JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Ibadat puasa mendidik seorang Muslim supaya bersifat jujur terhadap dirinya sendiri kerana menyedari akan pengawasan Allah SWT terhadap segala gerak-geri dan tindak-tanduknya. Terbentuk secara automatik dalam kotak pemikirannya untuk memelihara adab berpuasa selama sebulan. Dengan hal yang demikian, dia tidak melakukan sesuatu yang boleh mencacatkan kesempurnaan puasanya dengan penuh pengharapan berhasil mencapai makam takwa dan diampunkan segala dosa yang telah lalu.

Justeru, di ketika Ramadan tahun ini tinggal beberapa hari saja lagi, ada baiknya kita bermuhasabah sejenak dan menilai diri terhadap ibadat puasa yang telah kita kerjakan. Apakah ibadat puasa kita tahun ini lebih baik daripada tahun-tahun sudah? Dapatkah kita meraih darjat insan bertaqwa dan kembali kepada fitrah selepas sebulan penuh berpuasa Ramadan?

Yang jelas, tiada seorang pun dari kita yang mengetahui keadaan puasa kita secara pasti. Hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui kedudukan puasa kita, seterusnya berhak menentukan sama ada kita mencapai darjat taqwa atau sebaliknya menurut peraturan dan undang-undang-Nya.

Begitupun saudara-saudara sekalian, menjadi kewajipan bagi kita selaku hamba Allah SWT memastikan ibadat yang kita kerjakan ditunaikan dengan niat yang ikhlas dan disempurnakan sebaik-baiknya. Pada masa sama, tidak putus-putus merafakkan doa memohon agar puasa kita diterima dan diredai-Nya. Mudah-mudahan puasa yang kita kerjakan menganjak kita ke darjat taqwa yang sebenar-benarnya, Seterusnya beroleh kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat.

Firman Allah SWT:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.” (S. Al-Mukmin: 60).

Melalui ayat ini, kita selaku hamba Allah SWT dianjurkan supaya beribadat dan berdoa kepada-Nya. Ia adalah untuk membuktikan kepercayaan kepada kebesaran, kemuliaan dan kekuasaan Allah SWT. Beribadat dan berdoa juga menyedarkan kita terhadap kekerdilan dan kelemahan diri sendiri yang sentiasa mendambakan petunjuk, hidayah serta pertolongan dari Allah SWT.

Oleh itu, hari-hari terakhir di penghujung Ramadan ini tidak harus dibiarkan berlalu begitu sahaja. Setiap detik Ramadan yang masih berbaki hendaklah terus kita imarahkan dengan melaksanakan segala ibadat wajib dan sunat yang disyariatkan bagi melengkap dan menyempurnakan puasa yang kita kerjakan agar meraih pahala dan ganjaran lainnya dari Allah SWT.

Nabi Muhammad SAW sendiri memperbanyakkan ibadat pada malam 10 terakhir Ramadan melebihi malam sebelumnya. Saidatina Aisyah RHA berkata maksudnya: “Rasulullah apabila masuk malam 10 terakhir Ramadan, Baginda menghidupkan malam (dengan ibadat), mengejutkan keluarganya (bangun beribadat), bersungguh-sungguh (dalam beribadat) dan uzlah (mengasingkan diri) daripada isteri-isterinya.” (HR Al-Bukhari dan Muslim).

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Sesungguhnya beruntunglah orang beriman yang bangun menghayati dan menghidupkan malam-malam Ramadan dengan beribadat dan berdoa. Ini kerana pada sepuluh malam terakhir Ramadan terdapat satu malam yang istimewa, iaitu Lailatul Qadar atau malam yang lebih baik daripada seribu bulan dan penuh keberkatan. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٦١﴾ تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٦٢﴾ سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطَّلَعَ الْفَجْرِ ﴿٦٣﴾

Yang bermaksud: “Malam Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibrail dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar.” (S. Al-Qadr: 3-5).

Menjelas lebih lanjut perihal kemuliaan dan kebesaran malam Lailatul Qadar ini, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya bulan ini (Ramadan) datang kepada kamu, dalamnya ada satu malam. Amal ibadah yang dilakukan pada malam itu lebih baik dan lebih besar ganjarannya daripada amalan selama seribu bulan. Sesiapa yang kehilangan malam itu, sesungguhnya dia kehilangan semua kebaikan. Dan tidak akan kehilangan semua perkara itu, kecuali orang yang diharamkan (tidak mendapat petunjuk) daripada Allah.”* (HR Ibnu Majah).

Dengan hal yang demikian, beruntunglah kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW yang beroleh anugerah sebesar ini. Maka, marilah kita berusaha merebut ganjaran malam Lailatul Qadar dengan beribadat dan berdoa sebagaimana Hadith daripada Aisyah RHA, katanya:

*“Ya Rasulullah bagaimana kalau saya bertemu Lailatul Qadar? apa yang harus saya ucapkan pada malam itu?”*

*Baginda bersabda: Ucapkanlah “Ya Allah kami bermohon pada-Mu, Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, suka mengampuni (hamba-hamba-Mu), maka ampunilah (dosa-dosa) kami.”* (HR At-Tirmizi, An-Nasa’i, Ibnu Majah dan Ahmad).

### **PARA JEMAAH YANG MULIA,**

Ramadan yang kita sedang harungi ini datang bersamanya pensyariatian zakat fitrah. Ia sebagai pelengkap kepada puasa Ramadan.

Zakat fitrah ataupun zakat diri wajib ke atas setiap Muslim tanpa mengira usia, jantina dan taraf hidup. Ini berdasarkan kepada Hadith daripada Ibnu Umar, katanya: *“Sesungguhnya Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah daripada Muslim, baik hamba atau merdeka, lelaki atau perempuan, iaitu sebanyak segantang kurma atau gandum.”* (HR Al-Bukhari dan Muslim).

Pengeluaran zakat fitrah dapat membersihkan diri orang yang berpuasa daripada perkara sia-sia yang dilakukan sewaktu Ramadan. Zakat yang dikeluarkan juga bertujuan menggembirakan serta memberi makan kepada fakir miskin di hari raya.

Sebab itu, zakat fitrah hendaklah ditunaikan selewat-lewatnya pada pagi 1 Syawal sebelum didirikan solat sunat Aidilfitri. Ketetapan ini berdasarkan kepada Hadith daripada Ibnu Abas RA, maksudnya: *“Diwajibkan oleh Rasulullah SAW zakat fitrah bagi membersihkan orang yang berpuasa dan memberi makan orang miskin. Barangsiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang hari raya, maka zakat itu diterima dan barang siapa yang membayar selepas sembahyang, maka zakat itu sebagai sedekah biasa.”* (HR Abu Daud dan Ibnu Majah).

### **HADIRIN MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Seperti yang dimaklumi, benda yang hendak dijadikan sebagai zakat fitrah itu mestilah berupa bahan makanan asasi sesebuah tempat. Ini bermakna, bagi umat Islam di Malaysia, zakat fitrahnya adalah satu gantang Baghdad beras yang bersamaan dengan 2.7 kilogram.

Bagaimanapun, di Negara kita, sudah menjadi kelaziman bahawa zakat fitrah ditunaikan dalam bentuk wang senilai dengan harga 2.7 kilogram beras. Hikmah pembayaran dalam bentuk wang adalah untuk memudahkan urusan penyimpanan dan pengagihan kepada golongan yang berhak menerimanya.

Sehubungan itu, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah menetapkan bahawa kadar zakat fitrah bagi negeri Sabah tahun ini ialah RM7.00 seorang. Dan umat Islam diseru supaya membayar kepada amil-amil yang telah dilantik secara rasmi oleh pihak MUIS. Ia bertujuan memastikan hasil zakat fitrah dapat disalurkan kepada mereka yang berhak menerimanya di samping memudahkan urusan penjumlahan keseluruhan hasil zakat fitrah tahun ini supaya dapat dijadikan petunjuk bilangan penduduk dan kekuatan ekonomi umat Islam di negeri ini.

## SAUDARA JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Sama ada ibadat kita diterima atau tidak, ia adalah hak Allah SWT yang menentukannya. Kewajipan kita ialah mempersembahkan setiap ibadat kepada Allah SWT dalam pakej yang sempurna. Justeru, dalam kegairahan menyambut hari raya Aidilfitri mendatang, pastikan kewajipan berzakat fitrah tidak diabaikan atau dilupakan.

Ibadat puasa yang dilaksanakan dengan sempurna dan diiringi dengan pengeluaran zakat fitrah serta dihiasi amal-amal kebajikan lainnya mengharapkan keredhaan Allah SWT semata-mata akan beroleh keampunan segala dosa dan kembali fitrah. Ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud: *“Barang siapa yang berpuasa dalam Ramadan dengan ikhlas dan mengharapkan keredhaan-Nya semata-mata, akan diampuni segala dosa-dosanya yang telah lalu.”* (HR Mutafaqun Alaih).

Marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT memohon agar semangat dan kekhusyukan kita beramal di bulan Ramadan ini terus berkesinambungan pada bulan-bulan berikutnya. Ini sebagai usaha kita untuk terus meraih ganjaran dari Allah SWT selain mengharapkan segala kesalahan kita terhapus sejajar dengan firman-Nya:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَحْسَنَ الَّذِي كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: *“Dan orang yang beriman serta beramal soleh, sesungguhnya Kami akan hapuskan dari mereka kesalahan-kesalahan mereka, dan Kami akan membalas apa yang mereka telah kerjakan dengan sebaik-baik balasan.”* (S. Al-Ankabut: 7).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah